

NGO luah kebimbangan aktiviti pembalakan tidak terkawal jejas kawasan tadahan air

Sungai Pahang semakin kering

Oleh FAHMY AZRIL ROSLI

TEMERLOH – Kerakusan aktiviti pembalakan yang tidak terkawal menyebabkan beberapa kawasan Sungai Pahang dan sungai-sungai yang berhubungan dengannya di negeri ini hampir kering apabila paras air hanya mencecah buku lali.

Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (Peka), Puan Seri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, keadaan sungai yang biasanya berkedalaman lebih dua meter itu mulai cetek dan kering sejak lebih seminggu lalu di beberapa kawasan di Sungai Pahang antaranya di Temerloh.

Ia turut terjadi di beberapa sungai berhubungan dengan Sungai Pahang antaranya di Sungai Temerloh, Sungai Tembeling dan Sungai Jelai.

Beliau mendedahkan, aktiviti pembalakan, perlombongan dan penggondolan tanah yang tidak terkawal adalah faktor utama menyebabkan kawasan-kawasan tadahan air di sepanjang sungai tersebut terutamanya yang terletak di hulu Sungai Pahang seperti Sungai Jelai dan Sungai Tembeling terjejas teruk.

“Hal ini akan menjejaskan sumber bekalan air untuk menyuri Sungai Pahang yang merupakan sungai utama membekalkan air kepada penduduk negeri Pahang dan negeri jiran seperti Selangor.

“Bukan itu sahaja, penduduk di sepanjang sungai berkenaan yang bergantung sepenuhnya kepada sumber sungai itu antaranya Orang Asli akan terkesan. Bagi yang menjadikan aktiviti memelihara ikan sangkar seba-



SHARIFFA SABRINA dan Khaidir berdiri di tengah Sungai Pahang di Temerloh yang paras airnya cuma setakat buku lali.

gai perniagaan, ia turut memberi kesan buruk kepada kehidupan seharian mereka kerana terpaksa menanggung kerugian akibat banyak ikan yang mati,” katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Beliau dalam nada tegas menggesa kerajaan negeri Pahang khususnya Menteri Besar mengambil tindakan segera kerana perkara itu tidak sepatutnya dipandang enteng dalam usaha memastikan sumber air dan ekosistem untuk masa depan rakyat tidak terjejas.

Dalam pada itu, kebimbangan yang sama turut disuarakan oleh Pengerusi Peka Pahang, Khaidir Ahmad yang mahu kerajaan negeriewartakan kawasan dan

bukit yang berhampiran dengan Sungai Pahang antaranya, Kampung Pantai, Sungai Sepia, Ulu Tembeling dan Bukit Harimau sebagai zon tadahan air.

Beliau yang juga Pengerusi Penternak dan Peniaga Ikan Sangkar Temerloh menerima banyak aduan penternak yang bimbang dengan keadaan Sungai Pahang yang semakin hari semakin kering walaupun pada ketika ini bukan musim kemarau.

“Saya sedih melihat keadaan sungai dan hutan di sini yang semakin terjejas teruk. Ramai pengusaha ikan sangkar kebanyakannya orang Melayu di sini kerugian hampir RM5,000 seminggu,” katanya.



GAMBAR dari kawasan tinggi menunjukkan keadaan air di Sungai Pahang yang semakin kering berdekatan kawasan penternakan ikan di Temerloh semalam.

